# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

# KERATAN AKHBAR
## 17 JULAI 2019 (RABU)

| AKHBAR | BERITA HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | 3.32 juta penduduk terjejas mulai 23 julai |
| MUKA SURAT | 61 |

*Gangguan bekalan air sekitar Selangor, Kuala Lumpur*

# 3.32 juta penduduk terjejas mulai 23 Julai

## Susulan kerja tambah baik Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1

Oleh Fitri Nizam
bhnews@bh.com.my




***Orang ramai dinasihat menyimpan bekalan air secukupnya** kerana lori tangki hanya digerakkan ke kawasan terjejas pada 25 Julai.*
[Foto Mohd Yusni Ariffin/BH]

**Kuala Lumpur:** Seramai 3.32 juta penduduk di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur dijangka terjejas susulan kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) yang bermula 23 Julai depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Suhaimi Kamaralzaman, berkata sebanyak 758 kawasan di tujuh kawasan dijangka mengalami masalah gangguan air berjadual antara 36 hingga 84 jam.

Kawasan terbabit adalah Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat.

Beliau berkata, wilayah itu meliputi sebanyak 758,570 akaun membabitkan 3.32 juta pengguna.

"Penambahbaikan di loji SSP1 ini adalah sejajar dengan matlamat kami untuk meningkatkan kecekapan sistem bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Pelanggan akan mengalami gangguan bekalan air secara berjadual seperti yang dimaklumkan bergantung kepada lokasi geografi dan altitud kawasan masing-masing," katanya pada sesi taklimat ringkas berkaitan kerja penambahbaikan di loji SSP1, di sini, semalam.

Suhaimi turut menasihatkan orang ramai supaya menyimpan bekalan air secukupnya sekurang-kurangnya untuk dua hari kerana lori tangki hanya digerakkan ke kawasan terjejas pada 25 Julai.

"Seperti yang dimaklumkan, gangguan bekalan air dijangka berlaku pada 23 Julai, namun pergerakan lori tangki hanya dilaksanakan pada 25 Julai.

"Sebelum tarikh itu, lori tangki hanya digerakkan 100 premis kritikal yang dikenal pasti seperti hospital, klinik kesihatan, pusat dialisis, majlis perkahwinan dan kematian," katanya.

Untuk menyemak kawasan terbabit dan tempoh masa gangguan, orang ramai boleh merujuk perkara itu di pautan *https://www.syabas.com.my/carianmudahssp1* atau memuat turun aplikasi Air Selangor.

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Video seks: Najwan tak tahu** |
| **MUKA SURAT** | **11** |

# Video seks: Najwan tak tahu

**SHAH ALAM 16 Julai** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, Mohd. Najwan Halimi mendakwa beliau tidak tahu bagaimana namanya boleh dikaitkan dengan siasatan kes penyebaran video seks sejenis yang dikaitkan dengan seorang menteri Kabinet.

Dakwanya, beliau juga terkejut apabila ada pihak menyebarkan khabar angin bahawa seorang daripada enam lelaki yang ditahan polis bagi membantu siasatan konspirasi penyebaran video seks sejenis itu kononnya adalah pegawainya.

"Siapa yang kaitkan? Tak tahulah, saya pun tak tahu sejauh mana betul atau tidak benda-benda tular ini. Saya pun tak tahu, awak tanya ini baru saya dapat maklumat.

"Saya tak ada komen kerana dia maksudkan siapa pun saya tidak tahu, tak sebut siapa (jadi) tak tahu kesahihan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Terdahulu, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador memberitahu, pihaknya memperluaskan skop siasatan termasuk kemungkinan pembabitan seorang ADUN dalam kes penyebaran video seks berkenaan.

> "Siapa yang kaitkan? Tak tahulah, saya pun tak tahu sejauh mana betul atau tidak benda-benda tular ini. Saya pun tak tahu, awak tanya ini baru saya dapat maklumat."
>
> **MOHD. NAJWAN HALIMI**

Bagaimanapun, Abdul Hamid menambah, kes itu dianggap rumit kerana melibatkan ahli politik dan tidak mahu terburu-buru dalam mengambil tindakan.

"Siasatan kami menyeluruh dari semua sudut termasuk siapa yang terbabit dalam konspirasi video itu.

"Kami tidak mahu ada pihak yang teraniaya dan siasatan adalah mengikut prosedur operasi standard (SOP) iaitu dikemukakan kepada peguam negara dan apabila selesai tindakan lanjut akan diambil," katanya sebagaimana dipetik.

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Apa status kuarters terbiar?** |
| **MUKA SURAT** | **46&47** |



KEADAAN persekitaran kuarters terbiar di Jalan Kuching sejak lebih 10 tahun lalu yang terus menimbulkan tanda tanya penduduk berhampiran.–UTUSAN/ AMIR KHALID

# Apa status kuarters terbiar?

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 JULAI

BUKAN setahun dua tetapi lebih sedekad lamanya 10 blok flat empat tingkat yang terletak berhampiran Rumah Pangsa Awam Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Jalan Kuching di sini terbiar.

Status kaurters terbiar yang dikelilingi semak-samun itu terus menjadi tanda tanya kepada lebih 10,000 penduduk dari beberapa taman berhampiran serta orang awam yang melalui Jalan Kuching.

Ini termasuk penduduk dari Taman Sri Delima dan Kampung Sri Delima yang turut melahirkan kebimbangan berhubung kegiatan jenayah serta maksiat berlaku di kawasan itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di lokasi mendapati, tiada pagar atau dinding keselamatan di pasang dan sesiapa sahaja boleh masuk di kawasan itu.

Berdasarkan pemerhatian bukan sahaja kawasan itu dipenuhi sampah sarap dan semak samun tetapi juga hampir keseluruhan unit rosak teruk.

Kesan pencerobohan juga didapati apabila setiap pintu dan tingkap serta wayar elektrik sudah tiada.

*Utusan Malaysia* difahamkan, flat berkenaan pada asalnya didiami anggota tentera namun terbiar kosong sejak mereka berpindah ke kuarters baharu pada akhir 2008.

Dakwa penduduk mereka bimbangkan keselamatan anak-anak yang menggunakan kawasan itu sebagai jalan pintas ke sekolah lebih-lebih lagi dengan kehadiran penagih dadah serta warga asing yang menjadikan sebahagian besar unit kosong itu sebagai tempat tinggal.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Awam PKNS Jalan Kuching, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim berkata, pihaknya telah menyuarakan masalah itu kepada pihak berwajib termasuk Kementerian Pertahanan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur namun tiada sebarang tindakan diambil.

"Oleh itu, kami merayu pihak berwajib dapat mengambil tindakan segera termasuk merobohkan bangunan tersebut demi keselesaaan dan keselamatan penduduk berhampiran," ujarnya.

BEBERAPA unit kediaman terbiar dan kosong telah diceroboh dan dijadikan tempat tinggal penagih dadah dan warga asing.

SEMAK-SAMUN memenuhi setiap unit kediaman di kuarters terbiar di Jalan Kuching, Kuala Lumpur.

KUARTERS terbiar hanya terletak beberapa meter sahaja dari kediaman penduduk Rumah Pangsa Awam PKNS, Jalan Kuching.

SEBUAH unit kuarters yang dijadikan tempat pembuangan sampah segelintir pihak.

## REAKSI

"SAYA berharap Kementerian Pertahanan dan pihak berkuasa tempatan dapat melakukan sesuatu demi keselamatan dan keselesaan penduduk berhampiran."

**RIDZWAN MOHD ALI, 56**
**Penduduk**

"SELAGI ada tempat untuk hisap dadah, buat maksiat dan ponteng sekolah saya percaya semua masalah tersebut akan berterusan di sini.

**NORDIN AWANG, 44**
**Penduduk**

"SELAIN menyebabkan kehadiran haiwan berbisa dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes , kuarters terbiar ini juga telah merosakkan imej bandar raya Kuala Lumpur."

**MUHAMMAD AIZAT ROSLAN, 33**
**Penduduk**

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| AKHBAR | STAR METRO |
|---|---|
| TAJUK BERITA | River clean-up done well |
| MUKA SURAT | 2 |



Ongoing redevelopment of the Pengkalan Batu Park, located along Sungai Klang. — Photos: KAMARUL ARIFFIN and IZZRAFIQ ALIAS/The Star

# River clean-up done well

## Clear improvement after tonnes of rubbish removed from Sg Klang

By CHRISTINA LOW
christinalow@thestar.com.my

REHABILITATION of Sungai Klang is under way to turn an area in Klang into a major tourism attraction for Selangor.

Called the Selangor Maritime Gateway, the venture will see the river cleaned up and various development projects planned around it.

This will include boardwalks at a mangrove swamp and at a riverside park, as well as water taxi services to transport tourists to these attractions.

The project is expected to be completed by 2022.

The Selangor government has engaged the services of Landasan Lumayan Sdn Bhd, an environment conservation company, to clean, rehabilitate and redevelop Sungai Klang right up to the river mouth at the Straits of Malacca.

Landasan Lumayan has removed tonnes of rubbish for a 56km stretch of the river.

Its managing director, Syaiful Azmen Nordin, said cleaning works started three years ago with 50,000 tonnes of waste collected so far.

"Cleaning works started in 2016, but that was merely collecting waste and sending it to the landfill. At that point the river condition was very bad.

"There were a lot of waste and illegal dumping along the river banks especially near abandoned areas where access was minimal," said Syaiful.

He said cleaning works became tougher as they had to work their way from Petaling Jaya right up to the river mouth.

The 50,000 tonnes of waste collected was huge, he said, as rubbish involving the River of Life project in the Kuala Lumpur stretch (110km) amounted to only 128 tonnes.

### Project details

The first phase of the project is the redevelopment of the Pengkalan Batu Park which will be ready next year.

The 6.46ha park in Klang has not been upgraded for many years.

Given its strategic location, Landasan Lumayan plans to refurbish the dilapidated space and turn it into a modern park complete with water features utilising supply from the river.

"We want to show the public how water is treated naturally using vegetation.

"When people know the water quality is improving, they will understand our conservation role better," said Syaiful, adding that only Zone Two (*see graphic*) would be opened to the public next year.

The park, he said, was strategically located near the river and was not extensively enjoyed by the public.

"We want to enhance it further by introducing educational elements and creating greater awareness by getting the public to be more involved with what we are doing," he said.

Syaiful said cleaning works have also managed to improve the water quality from Class V to Class III while certain areas were already

**Pengkalan Batu public park redevelopment plan**



# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **River clean-up done well** |
| **MUKA SURAT** | **3** |







Artist impressions of the proposed 1.6km boardwalks at the Mangrove Point (left) and the park (right).




Hoarding surrounds the Pengkalan Batu Park that is under construction beside Sungai Klang.

seeing positive results with readings as good as Class IIB, which was suitable for recreational activities.

"We don't have a target, but we generally want to reduce the bad smell and improve the colour of the water," he said.

Some 15km from the park is the second project, which is developing a lesser-known mangrove spot.

"It is a pity that we have these beautiful mangrove trees growing along the river but can only be appreciated if we take a boat out to see them," he said.

"We want people to enjoy the mangrove at close view without having to take a boat ride.

"That is why we plan to construct a 1.6km boardwalk for the public to walk to see the mangrove trees," said Syaiful, adding that it would cost about RM17mil.

Facilities such as a cafe, public toilets, rest areas and educational zones would also be built for visitors.

> "We want people to enjoy the mangrove at close view without having to take a boat ride."
>
> **Syaiful Azmen Nordin**

Sightings of crocodiles and otters in Sungai Klang, he said, were also a positive sign that the water quality was quite good.

To maintain good water quality in the river, Landasan Lumayan has installed sensors along the river to collect data, including the water level.

"We know the daily readings from the rivers, even Selangor Water Management Authority (Luas) can monitor the water level and quality," he added.

The project is also to increase public awareness on the importance of the environment.

It is also a message for those living near the river to not throw rubbish into the river and take ownership of the natural surroundings.

The benchmark, Syaiful said, was Singapore, South Korea, and even Melaka for doing well in promoting their rivers for cruises.

"Look at Melaka, restaurants and cafes are now opening their back doors to customers to dine along the river.

"We hope to do the same for Sungai Klang by not only removing waste but developing the area around it as well," he said.



Syaiful says the first phase of the Selangor Gateway Project will be completed next year.

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Sewage linked to dead fish in Sungai Ara** |
| **MUKA SURAT** | **4** |

# Sewage linked to dead fish in Sungai Kayu Ara

## National sewerage company denies its plants contaminated river

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

WASTEWATER discharged from sewage treatment plants is believed to be the reason thousands of fish have died in Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya.

On Friday evening, residents from Kampung Chempaka noticed a school of fish jumping out of the river and knew something was amiss.

By Saturday morning, they saw thousands of dead fish swept downstream and the situation worsened on Sunday.

In a statement, state environment, green technology, science and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian said the pollution could be due to sewage from Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

"There was a high reading of ammoniacal nitrogen (AN) after the incident first came to light," he said, adding there are six IWK treatment plants along Sungai Kayu Ara.

AN is a component of nitrogen, which is an indicator of pollution by sewage.

"Drone technology utilised by Selangor Water Management Authority showed the dead fish floating from upstream to downstream," said Hee.

Based on water sampling, the AN was higher upstream near Taman Mayang while the reading downstream near the LRT depot area at Lembah Subang was lower.

Sampling done on July 14, showed the water quality was normal on most parts of the river but the AN content was high at 5.4 mg/l.

The authorities have also sent water samples to the Chemistry Department for more tests.

Hee said work to remove the dead fish started on July 14.

Kampung Chempaka Village Community Management Council chairman Theresa Lim said fish like tilapia and haruan are among the species found in the river.

She thanked area councillor John Leong and Bandar Utama assemblyman Jamaliah Jamaluddin for taking prompt action by informing the relevant authorities when they were alerted on the matter by residents.

When contacted, Jamaliah said a police report has been lodged over the matter and various authorities had been informed including the Department of Environment (DOE).

She said residents thought the fish died because of the irresponsible dumping of waste into the river.

"Some residents claim fertiliser from a farm is the cause, but we don't know," she said.

On Tuesday, *StarMetro* had a front-page report on waste dumping at Sungai Kayu Ara which had been going on for over a decade near the Idaman Ara Damansara neighbourhood.

They were puzzled by the lack of action by the authorities to stop the illegal activity, which has been exacerbated by open burning of rubbish in recent years.

Ara Damansara Residents Association spokesman Albert Lau said the waste trap near his neighbourhood was filled with dead fish over the weekend.

"We saw thousands of dead fish and this is on top of the waste dumping that has been taking place close to our neighbourhood," he said.

Craig Matthew Lee from Ara Greens Condo said the incident could endanger fauna that rely on Sungai Kayu Ara.

He said the river attracts wildlife such as river otter and exotic birds.

"My six-year-old son and I would spot interesting wildlife here.

"Seeing hundreds of dead fish floating downstream is a worrying sight.

"The cause of the pollution must be identified and there must be no repeat incidents," said Lee, who said there was a bad stench from the dead fish over the weekend.

Meanwhile, in a statement yesterday, IWK has denied contaminating the river.

It said all its sewage treatment plants operating near the river are in good condition and complied with DOE standards.

"There are six treatment plants near Sungai Kayu Ara, of which only one releases its final effluent to the related river, and the rest to monsoon drains.

"It is imperative to note that all final effluent released by IWK complies with DOE standards," the statement read.

IWK representatives also attended a meeting with related authorities and agencies including the district officer and DOE on July 15, to address the situation.






Sungai Kayu Ara was full of dead fish over the weekend.

(Left) *StarMetro*'s front-page report yesterday.

> "There was a high reading of ammoniacal nitrogen after the incident first came to light."
> — Hee Loy Sian



# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| AKHBAR | STAR METRO |
|---|---|
| TAJUK BERITA | When neighbourly vigilance pays off |
| MUKA SURAT | 5 |

# When neighbourly vigilance pays off

## SS2 RA and RT boast positive ties as 191 groups get allocations for safety initiatives

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

SEPARATED only by a couple of main roads, the SS2 Selatan Residents' Association (RA) and SS2B Rukun Tetangga (RT) committee members maintain close ties due to their neighbourhoods' proximity in Petaling Jaya.

"We work closely to ensure the safety of our neighbourhoods," said SS2B RT treasurer Tee Yoon Poh, whose area covers approximately 500 houses near SJK(C) Puay Chai.

"It's more challenging to monitor safety on our side as there are some 2,000 houses and shoplots there, and the Taman Bahagia LRT Station is located nearby," said SS2 Selatan RA chairman Lee Yoon Hen, whose area is on the Chow Yang side.

So close is the friendship that Tee and Lee carpooled to the Petaling Jaya Neighbourhood Security Team (Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya or PKKPJ) presentation ceremony organised by Petaling Jaya City Council (MBPJ).

The two were among 191 groups to receive RM6,000 each under an initiative aimed at involving residents in addressing safety and security-related matters in their neighbourhoods.

"The previous years' allocations were used to instal an emergency alert system and related services," said Lee.



(From left) Lee, MBPJ Enforcement Department director Mohd Fauzi Maarop, PJ deputy mayor Johary Anuar, Mohd Sayuthi, Tee and MBPJ councillor Billy Wong during the presentation. — LOW BOON TAT/The Star

"We will be using this year's funds to enhance our existing security service, such as buying torchlights and running an anti-dengue campaign."

Tee said his RT would use the allocation to continue its subscription for a neighbourhood safety app service and to instal solar-powered motion sensor lights.

Tee and Lee hoped that MBPJ would consider increasing the allocation to enable their outfits to buy CCTV cameras.

Of the 191 applications received by MBPJ for the PKKPJ programme this year, 118 were from RAs, 42 from RTs and 31 from Joint Management Bodies (JMB).

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar, in his speech, said the programme was based on the concept of public engagement and assessed on nine indicators such as residents' involvement and patrol frequency.

"According to the Safe City Monitoring System (Sistem Pemantauan Bandar Selamat), there was an 18.19% drop in crime rate in 2018 compared to 2017," he said, adding that there were 3,305 crime cases reported in 2018 compared to 4,040 in 2017.

"This shows that the PKKPJ programme has had a positive impact on neighbourhood safety in PJ."

Mohd Sayuthi presented certificates to acknowledge the commitment and contributions of several private companies and non-governmental organisations in MBPJ's environmental initiatives.

He also launched the PJKita 3R Affectionate Ties Programme (Program Jalinan Kasih 3R PJKita).

"This programme is MBPJ's way of assisting the low-income B40 group to register with our Community Development Department.

"It takes the 3R practice a step further with the 'upcycling, reloved and sharing' components, where pre-loved items collected from MBPJ's spring cleaning activities are donated to eligible families, either in their original form or after they have been repaired.

"These items include furniture, sofas, beds and electrical equipment."

Mohd Sayuthi urged the RA, RT and JMB representatives to spread the word about the upcycling programme and to get residents to contribute their unused items by contacting the Solid Waste Management and Public Cleansing Department at 03-7954 1440.

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **KOSMO** |
| **TAJUK BERITA** | **3 juta pengguna putus bekalan air** |
| **MUKA SURAT** | **15** |

Tujuh daerah di Selangor alami gangguan bermula 23 Julai

## 3 juta pengguna putus bekalan air

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Lebih tiga juta pengguna di tujuh daerah di Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual selama empat hari bermula 23 Julai ini.

Daerah yang terlibat ialah Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Hulu Selangor, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Kuala Lumpur.

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., (Air Selangor) dalam satu kenyataan berkata, penutupan bekalan air itu bagi memberi laluan kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) yang akan dilaksanakan pada pukul 9 pagi 23 Julai ini.

Menurutnya, pelaksanaan kerja-kerja itu sejajar dengan matlamat bagi meningkatkan kecekapan sistem bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Kerja-kerja penambahbaikan ini akan menyebabkan henti tugas loji sepenuhnya.

"Oleh itu, beberapa kawasan di Petaling, Klang/Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual," katanya di sini semalam.

Menurutnya, tempoh masa gangguan dan pemulihan bekalan berbeza dari satu kawasan ke kawasan lain bergantung pada lokasi geografi dan altitud premis pelanggan.

Jelasnya, sebanyak 15 pusat khidmat setempat (PKS) akan diaktifkan pukul 8 pagi, 25 Julai ini.

"Pengguna boleh semak kawasan, dapatkan maklumat gangguan serta status terkini dengan memuat turun aplikasi telefon bimbit Air Selangor di Google Play atau App Store.

"Maklumat juga boleh diperoleh dengan melayari laman web, ***www.syabas.com.my*** atau hubungi talian **15300** atau WhatsApp ke nombor **019- 2800 919** atau **019-2816 793** untuk pertanyaan dan bantuan," jelas kenyataan itu.



**PENDUDUK di tujuh daerah di Selangor akan mengalami gangguan bekalan air selama empat hari bermula 23 Julai ini. – Gambar hiasan**

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Lelaki menyamar MB Selangor ditahan** |
| **MUKA SURAT** | **22** |

## Lelaki menyamar MB Selangor ditahan

**SEPANG** - Taktik seorang lelaki menyamar sebagai Menteri Besar Selangor untuk menipu Pegawai Daerah Sepang dengan niat mendapatkan geran tanah milik kerajaan negeri menjerat diri apabila dia diberkas polis.

Perbuatannya terbongkar apabila Pegawai Daerah Sepang tersebut membuat laporan polis selepas mengesyaki suspek yang menghubunginya menyamar sebagai pemimpin utama negeri ini.

Ketua Polis Daerah Sepang, Asisten Komisioner Abdul Aziz Ali berkata, pengadu menerima panggilan daripada nombor telefon direkod dalam telefon bimbitnya sebagai Menteri Besar Selangor pada jam 10.05 malam,15 Jun lalu.

Menurutnya, pemanggil yang memperkenalkan dirinya sebagai Menteri Besar Selangor membangkitkan kes pemilikan tanah kerajaan kepada sebuah syarikat dan mendakwa dirinya diarahkan menyelesaikan isu tersebut dengan kadar segera.



ABDUL AZIZ

"Suspek mendakwa perlu mengeluarkan geran tanah tersebut supaya pemajuan kawasan tersebut dapat dilaksanakan. Pengadu memaklumkan suspek turut berikan dia satu nombor telefon lain didakwa untuk memudahkan mereka berkomunikasi melalui aplikasi WhatsApp

"Bagaimanapun, pengadu syak pemanggil bukan Menteri Besar Selangor kerana cam suara pemanggil tidak mirip pemimpin nombor satu negeri ini selain semakan dibuat mendapati Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berada di luar negara ketika panggilan diterima," katanya.

Abdul Aziz berkata, pengadu mengesyaki ada individu menyamar sebagai Amirudin menggunakan nombor telefon yang sama dengan niat menipu untuk mendapatkan geran tanah milik kerajaan negeri.

"Hasil laporan diterima, seorang lelaki berusia 26 tahun yang disyaki terlibat dalam kes ini ditahan Selasa lalu.

"Turut dirampas daripada suspek yang tidak mempunyai pekerjaan tetap itu satu telefon bimbit berserta sekeping kad sim," katanya.

Beliau berkata, suspek dituduh di Mahkamah Majistret Sepang semalam di bawah Seksyen 419 Kanun Keseksaan kerana menipu dengan jalan samaran.

SINAR (22)

Sila layari
sinarharian.com.my

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| AKHBAR | SINAR HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Turun sejak tiga tahun lalu |
| MUKA SURAT | 27 |

## KADAR PERCERAIAN DI SELANGOR

# Turun sejak tiga tahun lalu

S.H (27)

**Bernama**

**Shah Alam**

Kadar perceraian dalam kalangan pasangan Islam di Selangor menunjukkan trend penurunan sejak tiga tahun lalu, kata Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor, Mohammad Adib Husain.

Beliau berkata, bagi tempoh terbabit, rekod Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess) menunjukkan 11,860 permohonan cerai difailkan tahun lalu berbanding 12,203 kes pada 2017 dan 12,513 kes (2016).

Mohammad Adib percaya penurunan ini, antara lain, disebabkan oleh beberapa inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan Jakess bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan di negeri berkenaan.

"Antara inisiatifnya adalah kursus pasca perkahwinan, seminar kefahaman undang-undang syariah, kaunter runding cara dan kaunter bahagian sokongan keluarga JAKESS yang dibuka pada tarikh yang ditetapkan melalui hebahan kepada pelanggan Mahkamah Syariah ini," katanya.

Menurut beliau, sebagai sebuah negeri maju, ramai umat Islam dari negeri lain atau dari negara luar berhijrah ke Selangor untuk mencari rezeki menyebabkan mana-mana pasangan yang bermasalah lebih cenderung untuk memfailkan permohonan perceraian mereka di sini.

"Walaupun bilangan permohonan perceraian di Selangor menunjukkan trend penurunan, namun jumlahnya diakui masih tinggi berbanding negeri lain dan antara puncanya adalah disebabkan faktor kepadatan penduduk," katanya.

Tambah beliau, berdasarkan rekod jabatan, antara faktor yang mendorong perceraian pasangan Islam adalah kurangnya penghayatan agama, tiada persefahaman, masalah kewangan, curang, campur tangan keluarga dan keganasan rumah tangga, selain pengaruh media sosial.

Beliau berkata, disebabkan permohonan perceraian dilihat menurun saban tahun, Jakess berusaha menyelesaikan kes itu sama ada secara prosiding mahkamah biasa atau membabitkan proses kerja *fast track* bagi memudahkan individu terbabit untuk memulakan hidup baharu.

Kata Mohammad Adib, berdasarkan rekod jabatan itu, sebanyak 8,022 kes permohonan perceraian berjaya diselesaikan menerusi proses kerja *fast track* pada 2016 hingga 2018 iaitu 3,519 kes bagi 2016, 2,238 kes (2017) dan 2,265 kes pada tahun lalu.

"Bagi tahun ini bermula Januari sehingga Jun lalu pula, sebanyak 7,013 permohonan cerai difailkan dengan 1,279 kes sudah diselesaikan secara *fast track*," katanya.

Tegas beliau, walaupun ada pihak membangkitkan konsep perceraian 'fast track' antara punca jumlah kes cerai tinggi di Selangor, perlu difahami bahawa ia tidak dilakukan sewenang-wenangnya dan hanya diguna pakai sekiranya mahkamah berpuas hati wujudnya pecah belah atau 'shiqaq' dalam permohonan cerai mana-mana pasangan.

Selain itu, permohonan pasangan terbabit juga mesti menepati beberapa syarat ditetapkan iaitu penyediaan dokumen yang lengkap, suami dan isteri hadir ke mahkamah, wujud persetujuan antara suami dan isteri untuk bercerai secara baik serta harmoni dan isteri dalam keadaan suci dan tidak berlaku persetubuhan dalam tempoh suci terbabit, jelas Mohammad Adib.

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Dalang berdepan tindakan** |
| **MUKA SURAT** | **33** |

# Dalang berdepan tindakan

***JAS ambil tindakan undang-undang kepada pihak penyebab pencemaran***

NUR FARHANA ABDUL MANAN

**PETALING JAYA**

SINAR (33)

**PENCEMARAN SG KAYU ARA**



**Pemantauan udara oleh LUAS mendapati bangkai ikan ditemui mengalir bermula dari hulu sehingga ke hilir Sungai Kayu Ara.**

Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang menjadi punca kepada pencemaran di Sungai Kayu Ara berhampiran Kampung Cempaka di sini Sabtu lalu sehingga menyebabkan ikan mati.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Dan Inovasi Dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, tindakan diambil berdasarkan kuasa penguatkuasaan undang-undang melalui Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Menerusi undang-undang itu katanya, pihak yang menyebabkan punca daripada *effluent* loji rawatan kumbahan atau mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh disabitkan denda RM100,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Menurutnya, pesalah juga boleh dikenakan denda lanjut tidak melebihi RM1,000 sehari jika tiap-tiap kesalahan diteruskan.

"Selepas menerima aduan pencemaran dan laporan ikan ditemui mati di Sungai Kayu Ara, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah diarah untuk siasat keadaan di lokasi.

"JAS maklumkan punca pencemaran berkemungkinan daripada air sisa kumbahan berikutan bacaan Ammoniakal Nitrogen (AN) yang tinggi hasil pensampelan dilaksanakan," katanya menerusi satu kenyataan.

Loy Sian berkata, dianggarkan terdapat enam buah loji kumbahan bermula dari hulu sehingga hilir di sepanjang Sungai Kayu Ara

Katanya, LUAS telah menjalankan siasatan dan mengambil pensampelan bermula dari hulu sehingga hilir mengikut aliran air sungai mengalir.

"Hasil pemantauan udara (dron) mendapati tiada bangkai ikan ditemui di hulu sungai. Bagaimanapun, bangkai ikan ditemui mengalir bermula dari hulu sehingga ke hilir sungai.

"Berdasarkan keputusan pensampelan LUAS, bacaan AN di hulu adalah tinggi di sekitar kawasan Taman Mayang yang berkemungkinan daripada *effluent* loji rawatan kumbahan. Bacaan di hilir sungai adalah rendah di sekitar kawasan depoh transit aliran ringan (LRT).

"Ia berkemungkinan adalah kerana faktor pencairan (*dilution factor*). Maka, kawasan berdekatan hulu sungai boleh menjadi salah satu potensi punca utama berlakunya ikan mati atau sebaliknya," katanya.

Beliau berkata, kualiti air sungai Ahad lalu berada pada keadaan normal bagi kebanyakan parameter kecuali AN yang mencatatkan bacaan yang tinggi sehingga 5.4 mg/l.

Katanya, pensampelan dihantar kepada Jabatan Kimia bagi tujuan saringan parameter logam dan logam berat.

"Kerja-kerja pembersihan bangkai ikan masih dilaksanakan kontraktor sejak Ahad lalu dan LUAS akan melakukan pemantauan berkala di lokasi tersebut bagi mengelak kejadian berulang," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Gangguan air empat hari di Selangor** |
| **MUKA SURAT** | **33** |

# Gangguan air empat hari di Selangor

**SHAH ALAM** - Beberapa kawasan di daerah Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula 23 hingga 26 Julai ini.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan berkata, penutupan bekalan air itu bagi memberi laluan kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 yang akan dilaksanakan pada jam 9 pagi 23 Julai ini.

Menurutnya, pelaksanaan kerja-kerja tersebut sejajar dengan matlamat bagi meningkatkan kecekapan sistem bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Oleh itu beberapa kawasan di Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Kuala Selangor akan mengalami gangguan bekalan air berjadual," katanya.

Menurutnya, sebanyak 15 Pusat Khidmat Setempat (PKS) akan diaktifkan mulai 8 pagi 25 Julai ini.

"Dapatkan maklumat gangguan serta status terkini menerusi aplikasi telefon bimbit Air Selangor di Google Play atau App Store serta laman sesawang *www.syabas.com.my*," katanya.

SINAR (33)

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Mangsa ribut Felda Soeharto dibantu** |
| **MUKA SURAT** | **33** |

## Mangsa ribut Felda Soeharto dibantu

**HULU SELANGOR** - Nasib mangsa ribut di Felda Soeharto mendapat perhatian kerajaan Persekutuan apabila menyalurkan sumbangan berjumlah RM49,300 kepada 156 rumah yang rosak.

Ahli Parlimen Hulu Selangor, June Leow Hsiad Hui berkata, pusat pemindahan sementara di Dewan Semai Bakti Felda Soeharto yang dibuka sejak hari pertama kejadian pada 5 Julai lalu telah ditutup Ahad lepas.

"Tiga keluarga yang ditempatkan di pusat itu dibenarkan pulang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mendapatkan rumah sewa sementara menunggu rumah siap dibaik pulih," katanya kepada *Sinar Harian*.

S (33)



**June Leow menyerahkan sumbangan disalurkan kerajaan melalui Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Hulu Selangor kepada mangsa ribut di Felda Soeharto.**

# KERATAN AKHBAR
# 17 JULAI 2019 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **HARIAN METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **40% rumah terpesong kiblat** |
| **MUKA SURAT** | **16** |

# 40% rumah terpesong kiblat

**Kuala Lumpur:** Hampir 40 peratus daripada 1,000 rumah yang diperiksa di sekitar Selangor terpesong arah kiblat antara satu hingga tiga darjah.

Timbalan Setiausaha Persatuan Falak Negeri Selangor Sukiman Sangat berkata, kebanyakan penduduk menggunakan kedudukan masjid sebagai panduan kiblat dan kaedah itu sebenarnya kurang tepat.

"Penentuan arah kiblat yang berlaku dua kali setahun hari ini (semalam) membantu orang ramai membuat semakan dan mengesahkan arah kiblat mereka.

"Ini berlaku berikutan kedudukan matahari berada tepat di atas Kaabah dan berlaku setiap 28 Mei dan 16 Julai setiap tahun," katanya.

Menurutnya, satu darjah arah kiblat terpesong bersamaan 125 kilometer jauh daripada Kaabah.

"Saya pernah memeriksa sebuah rumah, arah kiblatnya terpesong sehingga 45 darjah, bayangkan satu isi rumah perlu menggantikan solat mereka.

"Jika ikut fatwa kebangsaan arah kiblat tidak boleh terpesong melebihi tiga darjah," katanya.

Sukiman berkata, semalam pihaknya tidak dapat melakukan penentuan arah kiblat berikutan cuaca mendung.

"Sebelum ini (28 Mei) juga sama, cuaca mendung menyebabkan bayang matahari tidak muncul," katanya.

H-M (16)